

MAHATHIR RAKYAT

1982

ALOR SETAR, 16 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PERAJAAN AKAN BERSIKAP ADIL KEPADA SEMUA RAKYAT PERDANA. MENTERI MENEGASKAN BAHAWA INI TIDAK BERERTI KERAJAAN AKAN MEMENUHI SEMUA PERMINTAAN RAKYAT JIKA TUNTUTAN-TUNTUTAN YANG DIBUAT BERCANGGAH DENGAN DASAR.

KERAJAAN TIDAK AKAN MENGAMALKAN SIFAT PILIH KASIH KERANA INI BERTENTANGAN DENGAN KONSEP KERAJAAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH. KATANYA SEMASA BERUCAP DALAM SATU MAJLIS KESYUKURAN DI JITRA UNTUK MERAIKAN KEMENANGAN BARISAN NASIONAL DI KAWASAN KUBANG PASU.

DALAM PILIHANRAYA UMUM BULAN LALU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMENANGI KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU DENGAN MENEWASKAN TIMBALAN PRESIDEN PAS, HAJI YUSOFF RAWA SEMENTARA CALON-CALON BARISAN NASIONAL JUGA MEMENANGI KERUSI-KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI JITRA DAN TUNJANG DI BAWAH KUBANG PASU.

PERDANA MENTERI MENJELASKAN TUJUAN KERAJAAN MENGAMALKAN SIKAP BERSIH, CEKAP DAN AMANAH ADALAH UNTUK MENGHAPUSKAN SEGALA PE- NYELEWENGAN, JIKA BERLAKU, DALAM PENTADBIRAN NEGARA SELAIN DARI BERSIKAP ADIL KEPADA SEMUA. -- BERSAMBUNG 1425/MB

B538

MAHATHIR-RAKYAT 2 ALOR SETAR

+ APA YANG KERAJAAN BUAT MESTILAH MEMBERI KESAN DAN JUGA FAEDAH KEPADA RAKYAT DAN INI BERMAKNA KITA TIDAK MAHU MEREKA YANG TIDAK DAPAT MEMENUHI KEHENDAK SLOGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH, + KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA MEREKA YANG TIDAK DAPAT BEKERJA KUAT TIDAK AKAN DIBUANG KERJA TETAPI AKAN DISURUH MELIPATGANDAKAN USAHA AGAR RAKYAT DAPAT MENIKMATI FAEDAH DARI USAHA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR GEMBIRA KERANA PADA MASA INI WUJUD SATU TAHAP KECEKAPAN YANG TINGGI DI KALANGAN PARA PEGAWAI PENTADBIR NEGARA.

+ TETAPI KECEKAPAN INI HARUS DITINGKATKAN LAGI SUPAYA SEMUA JANJI YANG DIBUAT UNTUK FAEDAH RAKYAT AKAN DAPAT DIPENUHI, + KATANYA.

PERDANA MENTERI MENGINGATKAN BAHAWA KALAU KERAJAAN SAJA YANG BERSIH, CEKAP DAN AMANAH TIDAK AKAN MEMBAWA SEBARANG KESAN SEKIRANYA MASYARAKAT SENDIRI TIDAK SANGGUP BERPEGANG KEPADA SIKAP TERSEBUT.--BERSAMBUNG 1424/HM

B539

MAHATHIR-RAKYAT 3 ALOR SETAR

BELIAU JUGA MENGINGATKAN BAHAWA SUNGGUHPUN PILIHANRAYA TELAH SELESAI, RAKYAT MESTILAH SEDAR BAHAWA ADA GOLONGAN-GOLONGAN YANG CUBA MEMBAWA UMAT ISLAM LARI DARI AJARAN AGAMA MEREKA YANG SEBENAR.

+ GOLONGAN INI MENGANGGAP DIRI MEREKA 'SEBAGAI PERANTARAN ANTARA ISLAM DAN TUHAN DAN SANGGUP PULA BERJANJI UNTUK MEMBOLEHKAN SESIAPA SAJA YANG MENYOKONG MEREKA DAPAT MASUK KE SYURGA, + KATANYA.

OLEH ITU, BELIAU MAHUKAN RAKYAT SEDAR TERHADAP + PERBUATAN YANG BURUK + OLEH GOLONGAN TERSEBUT AGAR MEREKA TIDAK DISELEWENKAN.

RAKYAT PERLU AWASI KEGIATAN GOLONGAN INI SUPAYA MEREKA TIDAK AKAN TERKELIRU DAN TERKELUAR DARI AJARAN ISLAM SEBENARNYA.

MENGENAI PEMBANGUNAN DI KUBANG PASU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BERBAGAI RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN YANG BESAR SEDANG DIATUR UNTUK FAEDAH PENDUDUK-PENDUDUKNYA.--BERSAMBUNG 1427/HM

MAHATHIR-RAKYAT 4 ALOR SETAR

ANTARANYA TERMASUK PEMBUKAAN SATU KAWASAN INDUSTRI YANG BESAR DI TANJUNG PAUH DAN SATU LAGI + RANCANGAN BESAR + DI CHANGLON. BELIAU BAGAIMANAPUN TIDAK MENYATAKAN LEBIH LANJUT.

SELAIN DARI ITU, PERUSAHAAN KECIL YANG MENGGUNAKAN BAHAN-BAHAN SEPERTI KAYU, BULUH, ROTAN DAN TANAH LIAT AKAN JUGA DIGALAKKAN.

KERAJAAN AKAN MEMBANTU DARI SEGI LATIHAN UNTUK PENDUDUK-PENDUDUK DI SITU MENAMBAHKAN HASIL PENDAPATAN MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MELAHIRKAN HARAPANNYA UNTUK MELIHAT KUBANG PASU MENJADI SATU KAWASAN + CONTOH + DARI SEGI KEBERSIHAN DAN KECANTIKAN KAWASAN, SELAIN DARI KEADAAN AMAN DAN PENDAPATAN LUMAYAN PENDUDUK-PENDUDUKNYA.

UNTUK ITU, BELIAU MEMINTA PENDUDUK-PENDUDUK KUBANG PASU MENGGUNAKAN SEGALA PELUANG UNTUK MEMPERBAIKI TARAF EKONOMI MASING-MASING SELAIN DARI BERUSAHA MENCANTIKKAN KAWASAN RUMAH MEREKA.

TURUT HADIR DI MAJLIS TERSEBUT IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH.--BERNAMA 1430/HM